



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpk.gov.my

SIARAN MEDIA

OPERASI BERSEPADU BERAS PUTIH TEMPATAN (BPT) DI SEKITAR SELANGOR MELIBATKAN KERJASAMA PENGUATKUASAAN RENTAS AGENSI

PUTRAJAYA, 6 OKTOBER 2023 – Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), YB Tuan Chan Foong Hin mengetuai Operasi Bersepadu Beras Putih Tempatan (BPT) di premis pemborong beras di sekitar Selangor pada Khamis.

Operasi melibatkan kerjasama penguatkuasaan rentas agensi antaranya Penguatkuasa Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

Operasi tersebut melibatkan 42 anggota penguatkuasa dan PDRM meliputi pengambilan sampel beras dan pengiraan stok fizikal beras dalam simpanan gudang.

Hasil pemeriksaan awal mendapati bahawa semua premis pemborong beras mempunyai bekalan beras putih tempatan (BPT) dan beras putih import (BPI), lesen masih sah tempoh dan simpanan beras tidak melebihi had muatan yang dilesenkan.

Kesemua sampel yang diambil adalah mengikut prosedur penguatkuasaan yang ditetapkan dan akan diserahkan kepada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk tujuan analisis bagi mengesan pertukaran kampil beras atau aktiviti mencampurkan BPT dan BPI.

KPKM akan meneruskan kerjasama penguatkuasaan rentas kementerian dan agensi melalui Operasi Bersepadu BPT dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati menukar kampil atau mencampur BPT dan BPI atau menyembunyikan bekalan BPT.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
6 OKTOBER 2023**